



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful Kongsi Rezeki Ramadan Bersama Petugas Barisan Hadapan dan Kanak-kanak Kurang Bernasib Baik

Program GREAT Ramadan dan GET-Sahur menceriakan mereka yang memerlukan

24 Mac 2025, Kuala Lumpur – Bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Great Eastern Takaful Berhad (GETB) mengukuhkan komitmennya untuk membantu mereka yang memerlukan dan berbakti kepada masyarakat melalui salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporatnya (CSR), GET-Care. Pada tahun ini, GETB menganjurkan dua inisiatif, Program GREAT Ramadan dan GET-Sahur 2025, sebagai salah satu daripada usahanya untuk menghargai sumbangan petugas barisan hadapan serta membantu kanak-kanak kurang bernasib baik.

Melalui Program GET-Sahur 2025, Great Eastern Takaful menzahirkan penghargaan kepada wira barisan hadapan Malaysia dengan mengagihkan 100 pek hidangan sahur ke lima lokasi terpilih iaitu Hospital Kuala Lumpur (HKL), Institut Jantung Negara (IJN), Balai Bomba Keramat, IPD Wangsa Maju, dan IPD Dang Wangi. Para sukarelawan Great Eastern Takaful mengambil bahagian dalam inisiatif ini dengan aktiviti penyerahan pek sahur tersebut kepada para pegawai yang sedang menjalankan tugas. Program ini bertujuan untuk memberikan sokongan dan menghargai jasa petugas barisan hadapan yang berdedikasi ini, di samping membantu menaikkan semangat mereka ketika bertugas.

Puan Rashida Mior Ahmad Darwish, Ketua Pemasaran Great Eastern Takaful Berhad berkata, "Petugas barisan hadapan yang kami sanjungi ini telah menunjukkan dedikasi yang tidak berbelah bagi dalam berkhidmat untuk negara, dan sewajarnya kami merakamkan penghargaan atas pengorbanan mereka. Melalui GET-Sahur, kami berharap agar mereka rasa lebih dihargai. Ini hanyalah sumbangan kecil daripada kami namun ia amat bermakna lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang mulia ini. Usaha sebegini melambangkan keprihatinan kami terhadap masyarakat.

Seterusnya, Great Eastern Takaful turut memupuk semangat saling membantu dengan penganjuran Program GREAT Ramadan, di mana hampir 90 anak yatim dan asnaf daripada Pusat Jagaan Kasih Murni dan Rumah Kasih Nurul Hasanah diberi peluang untuk menikmati pengalaman membeli-belah sempena menyambut ketibaan Hari Raya di Pasaraya Besar Mydin. Diiringi seramai 33 sukarelawan, kanak-kanak tersebut berpeluang memilih pakaian dan keperluan Raya, agar mereka dapat meraikannya dengan penuh kegembiraan dan keyakinan. Inisiatif seperti ini adalah hasil usaha kolektif semua sukarelawan, yang bertujuan untuk memberikan pengalaman penuh makna dan tidak dapat dilupakan untuk semua kanak-kanak yang terlibat.

Selain itu, Great Eastern Takaful juga menganjurkan Majlis Grand Iftar di Temu Jelatek, khas buat komuniti anak yatim dan asnaf yang turut disertai oleh pesakit kanser kanak-kanak daripada Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak-Anak Kanser (KIDS). Majlis Iftar yang dianjurkan ini membantu meningkatkan semangat, memupuk keharmonian dan harapan buat mereka. Peluang menikmati hidangan bersama sambil berkongsi pengalaman ketika menghadapi waktu mencabar menjadikan majlis iftar tersebut lebih bermakna.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad, Encik Shahrul Azlan Shahrman berkongsi pendapatnya mengenai inisiatif ini, "Di Great Eastern Takaful, kami amat komited dalam membuat perubahan positif dalam kehidupan mereka yang memerlukan. Ramadan adalah masa untuk kita bermuhasabah, saling memberi, dan membantu antara satu sama lain, dan melalui GET-Care, kami berhasrat untuk memberikan sokongan kepada pejuang barisan hadapan serta kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Dengan mengukuhkan matlamat kami untuk memberikan khidmat masyarakat dengan penuh empati, kami berharap untuk terus memberi inspirasi dan meningkatkan semangat mereka melalui inisiatif yang bermakna seperti ini.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif GET-Care, Great Eastern Takaful kekal berdedikasi untuk memupuk budaya prihatin dan tanggungjawab sosial. Melalui usaha berterusan, Great Eastern Takaful berusaha untuk mencipta impak positif jangka panjang kepada komuniti, memastikan nilai perlindungan, kebaikan dan keprihatinan sepanjang masa.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah "Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022" oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai "Most Valuable Brand – Takaful Solutions" oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, "Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik" oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai "Majikan Terbaik" oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai "Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik" oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan "Anugerah Inisiatif – Upcycling"

oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateastertakaful.com. Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel: +6016 - 209 234

E-mel: MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com